

IMEJ SEJARAH YANG HILANG



Foto jadi bukti sejarah

Imej fotografi dianggap saksi sejarah yang tidak berat sebelah

SHAH ALAM

Kemajuan teknologi kamera dalam telefon pintar yang hampir setara dengan kamera DSLR menyebabkan masyarakat hari ini lebih gemar merakam gambar dan menyimpannya di dalam telefon bimbit.

Pensyarah Kanan Jabatan Sosio-Budaya dan Kesenian Melayu Universiti Malaya (UM), Prof Madya Dr Awang Azman Awang Pawi berkata, mencetak gambar untuk dijadikan kenangan sememangnya satu nostalgia untuk masa depan, namun trend tidak mencetak gambar merupakan perubahan yang perlu diterima masyarakat hari ini.

"Sekarang ini orang ramai lebih cenderung cuma mencetak foto konvokeyen, foto perkahwinan, aktiviti di sekolah dan peristiwa penting dalam kehidupan mereka sahaja."

"Gambar-gambar lain cuma dikongsi di dalam Facebook, WhatsApp atau Instagram kerana ia tidak memerlukan kos selain boleh dikongsi," katanya.

Sementara itu mengenai trend masyarakat hari ini yang gemar menyimpan gambar di media sosial sebenarnya mempunyai risiko tersendiri kerana



Selepas teknologi komputer dan cakera komputer wujud budaya mencetak gambar semakin hilang kerana imej yang diambil sekadar disimpan secara digital.- Gambar Hiasan

imej gambar disimpan secara digital berisiko mendatangkan masalah pada masa hadapan.

Pensyarah Kanan Jabatan Sains Kemasyarakatan dan Pembangunan Fakulti Ekologi Manusia Universiti Putra Malaysia (UPM) Bidang Antropologi dan Sosiologi, Dr Mohd Roslan Rosnon berkata, hal ini disebabkan hari ini masyarakat berdepan dengan masalah pengubahsuaian gambar.

"Oleh yang demikian gambar yang dicetak awal beserta tarikh boleh mengelakkkan masalah seperti ini berlaku.

"Imej fotografi sering dianggap sebagai saksi peristiwa sejarah dan kehidupan dalam masa tertentu dan tidak bersifat berat sebelah. Kandungan setiap gam-



AWANG

bar adalah sejarah. Ia menunjukkan masa asal imej hingga ke masa ia dilihat semula.

"Imej fotografi, bukan hanya sekadar mengabadikan sebuah gambar, tetapi kita perlu melihat bagaimana gambar itu memiliki

cerita yang ingin disampaikan. Justeru, gambar perlu dicetak dan diabadikan sebagai bukti sejarah dan kenangan masa lalu. Gambar dicetak menjadi bukti sesuatu peristiwa," katanya.

Bagaimanapun kata Mohd Roslan, akibat kemodenan dan penggunaan teknologi tinggi, budaya mencetak gambar sudah berubah dan masyarakat hari ini lebih cenderung mengambil gambar menggunakan telefon bimbit dan menyimpannya dalam alat komunikasi itu.

Menurutnya, gambar yang dicuci hari ini adalah gambar-gambar penting untuk diabadikan sebagai kenangan yang bersifat sentimental untuk jangka masa panjang dan juga tuntutan kerja serta formal.

REAJSI



Amir Hafizuddin Jurulatih
Semua gambar saya simpan dalam telefon bimbit selama empat tahun hilang akibat telefon bimbit saya rosak. Gambar kenangan ketika belajar zaman diploma, bercuti bersama-sama keluarga dan rakan-rakan hilang begitu sahaja." - Amir Hafizuddin, Jurulatih kecergasan



Alia Najiha, Pentadbir syarikat
Saya pernah terpadam semua gambar dalam telefon bimbit menyebabkan gambar kenangan sewaktu aktif sukan bola jaring dan menyertai sukan Sukma hilang begitu saja."